

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan
Sent: Monday, July 16, 2018 3:04 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Nurul Nadiah binti Rusle
Subject: MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI DAN DOA SELAMAT BAKAL HAJI SBM 1439H/2018



Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

16 JULAI 2018 | 3 ZULKAEDAH 1439 H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI DAN DOA SELAMAT BAKAL HAJI SBM 1439H/2018



SBM ONLINE: Majlis Sambutan Aidilfitri Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM) dan Majlis Doa Selamat Bakal Haji 1439H disambut meriah pada 12 Julai 2018. Majlis yang bermula pada jam 10.30 pagi itu turut mengundang Prof. Dr. Abdullah bin Haji Abdul Ghani bagi menyampaikan Tazkirah Haji dan mengetuai bacaan Yassin serta doa selamat kepada lima orang bakal Haji SBM 1439H. Tazkirah yang menyentuh topik persediaan bagi bakal Haji, dapat memberikan banyak maklumat, pengetahuan, serta dapat meningkatkan semangat kepada semua staf yang hadir dalam mengejar Rukun Islam Yang Ke-5.


Majlis dimulakan dengan ucapan sempena Sambutan Aidilfitri daripada Dekan SBM, Prof Dr Haim Hilman Abdullah yang turut menyelitkan ucapan selamat kepada lima (5) bakal Haji SBM iaitu Prof Madya Dr. Mohd Faizal Mohd Isa, Prof. Madya Dr. Norashidah Hashim, Dr. Armanurah Mohamad, Dr. Azrain Nasyrh Mustapa dan Dr. Jauriyah Shamsuddin. Turut tidak dilupakan ucapan tahniah kepada staf-staf yang beroleh kejayaan, yang dinaikkan pangkat serta tamat pengajian. Majlis yang dianjurkan oleh Kelab Staf SBM turut dibantu oleh Staf Pentadbiran SBM, Ketua-ketua Jabatan SBM ini dihadiri oleh semua warga kerja SBM, jemputan khas seperti Pejabat PPA dan AACSB, serta pelajar-pelajar antarabangsa SBM.

Pelbagai juadah telah disediakan mengikut agihan setiap jabatan menunjukkan ukhwah dan semangat bergotong-royong di kalangan staf dalam menganjurkan program-program di SBM. Selain daripada itu, menu istimewa iaitu dua (2) ekor kambing golek juga disumbangkan oleh staf-staf yang telah dinaikkan pangkat serta tamat pengajian.

Suasana riang-ria dan gembira dikalangan staf jelas terpancar kerana dapat meraikan Syawal bersama rakan-rakan yang lain. Rasa gembira ini turut dikongsi oleh Pengerusi Kelab Staf SBM, iaitu Dr Siti Norasyikin Abdul Hamid yang menyifatkan program ini perlu diteruskan bagi mengukuhkan ukhwah sesama warga kerja SBM.

*Segak Bergaya di Pagi Raya,
Tangan Dihulur Maaf Dipinta
Majlis Aidilfitri Ukhwah Dicipta
Bakal Haji SBM Didoakan Bersama.*

Sekian.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.